

09 OCT 1996

Pemuda/Wanita (Gulung)

PERGERAKAN PEMUDA, WANITA DAPAT KETUA BARU

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Hari pertama perhimpunan agung Umno selama empat hari berakhir hari ini dengan kedua-dua pergerakan -- Pemuda dan Wanita -- memilih Ketua yang baru.

Tetapi kejutan yang paling hebat ialah kekalahan Ketua Pergerakan Wanita Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang telah memegang jawatan itu selama 12 tahun di tangan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman.

Kekalahan Rafidah mengejutkan kerana walaupun Dr Siti Zaharah tidak dinafikan akan memberi tentangan yang sengit, ramalan sehingga ke saat akhir sebelum pengundian pagi ini masih memihak kepada Rafidah untuk mengekalkan jawatan itu dengan majoriti yang tipis.

Dr Siti Zaharah memperolehi 271 undi berbanding 244 undi oleh Rafidah untuk mencatatkan majoriti 27 undi pada perlawanan satu lawan satu.

Angin perubahan yang melanda Pergerakan Wanita juga bertiup di Pergerakan Pemuda apabila Datuk Ahmad Zahid Hamidi muncul sebagai Ketuanya yang baru, dengan mengalahkan empat pencabar lain termasuk penyandang jawatan, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Pemilihan dalam kedua-dua sayap Umno itu diadakan dalam suasana parti tunggak kerajaan Barisan Nasional itu mengisytiharkan perang habis-habisan terhadap gejala politik wang serta larangan semua bentuk kempen.

Ia juga dilihat sebagai pembuka tirai kepada perhimpunan agung induk parti itu esok yang akan dirasmikan Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perhatian khas esok akan ditumpukan kepada pemilihan bagi tiga jawatan Naib Presiden yang ditandingi tujuh calon manakala 55 calon bertarung bagi 25 jawatan Majlis Tertinggi (MT) badan pembuat dasar tertinggi parti.

Pemilihan Umno tiga tahun sekali itu biasanya dilihat sebagai peristiwa yang lebih besar daripada pilihan raya umum di negara ini kerana Presiden dan Timbalan Presiden parti secara tradisi masing-masing menjadi Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri.

Bagaimanapun pada kali ini, Dr Mahathir dan Timbalan Presiden Datuk Seri Anwar Ibrahim memenangi jawatan mereka tanpa bertanding ekoran keputusan parti untuk tidak mempertandingkan kedua-dua jawatan itu.

Pada penghujung persidangan hari ini, Rafidah kelihatan seolah-olah tidak begitu dapat menerima kekalahannya.

Walaupun beliau mengucapkan tahniah kepada Dr Siti Zaharah, beliau enggan bersalaman dan memeluk Ketua Pergerakan Wanita yang baru itu apabila diminta oleh jurugambar, sambil berkata: "Saya bukan ahli politik yang hipokrit. Jadi tak payahlah peluk cium."

"Lihatlah nanti bila Zaharah ambil alih. Berdasarkan kepada pengalaman saya, lebih mudah bercakap daripada bekerja," katanya.

"Tetapi orang seperti Zaharah sendiri naik hasil perjuangan kita. Orang muda yang kita lihat hari ini juga berada di situ kerana kita buka pintu kepada mereka, tidak sama seperti perjuangan dahulu," katanya.

Menurut Rafidah sebagai menteri, beliau akan pergi ke Eropah Selasa ini dan berkata sudah tentu orang di sana hairan mengapa seorang pemimpin sepertinya tidak diterima lagi oleh partinya.

Dr Siti Zaharah dan Zahid pula menerima kemenangan mereka dengan tenang.

Dr Siti Zaharah berkata beliau menerima keputusan pemilihan pergerakan

itu seperti biasa kerana beliau sentiasa yakin dengan pemilihan yang akan dibuat anggota perwakilan.

"Saya bersikap positif, ini pendirian yang saya buat dan saya meneruskannya kerana ia merupakan satu prinsip yang saya telah buat, (iaitu) keputusan untuk bertanding.

Zahid pula meminta mereka yang tewas dalam pemilihan itu supaya bersama-sama memantap dan mencemerlangkan pergerakan itu.

"Marilah kita tutup buku lama dan buka buku baru, biduk lalu kiambang bertaut. Kita lupakan masa lalu dan bersama-sama pada hari ini untuk mencemerlangkan pergerakan Pemuda Umno, insya-Allah," kata anggota Parlimen Bagan Datoh itu yang sebelum ini merupakan Ketua Penerangan Pergerakan Pemuda.

Beliau berkata pemilihan itu bukanlah satu habuan dan pangkat kebesaran tetapi satu tanggungjawab dan amanah yang perlu dilaksanakan dengan baik bagi menjana generasi baru pergerakan yang beriltizam.

Satu persoalan yang timbul ialah mengenai masa depan politik Rafidah dan Rahim ekoran kekal mereka hari ini.

Walaupun Rafidah dengan tegas berkata beliau akan meneruskan tugasnya sebagai menteri tanpa terpaksa membahagikan masa sebagai Ketua Pergerakan Wanita, kedudukannya dalam Kabinet bergantung kepada Perdana Menteri.

Sehubungan itu, sama ada Dr Siti Zaharah akan dilantik sebagai menteri penuh kelak dijangka menjadi punca spekulasi yang hangat kerana sekurang-kurang buat masa ini, satu keadaan wujud apabila Ketua Pergerakan Wanita yang baru itu kini menjadi Timbalan Menteri manakala Datin Paduka

Rahim kelihatan sugul dengan kegagalannya mempertahankan satu-satu jawatan politik yang disandangnya sekarang, dan enggan membuat apa-apa ulasan.

Dengan kemenangannya, Zahid pula kini berada dalam kedudukan yang kukuh untuk dilantik ke jawatan kerajaan yang setimpal dengan jawatan barunya. --

BERNAMA

AU NMO